

07/09/2002

Keharmonian kaum kunci kesejahteraan Malaysia

Tan Sri Lee Lam Thye

PADA 31 Ogos lalu, Malaysia menyambut ulang tahun kemerdekaannya ke-45. Kita bebas daripada penjajah selama 45 tahun. Malaysia walaupun bukan dianggap ideal, tetapi selepas melalui pelbagai rintangan dan halangan, kita dapat meletakkan asas ke arah keamanan dan keharmonian. Kestabilan politiknya menjadi contoh dan impian negara lain, termasuk negara maju.

Janganlah kita mempertaruhkan apa yang diperoleh selama ini dengan mengabaikan semangat kefahaman dan tolok ansur sesama sendiri.

Janganlah kita membiarkan politik ekstrem memecahbelahkan tanah air, tempat lahir, tinggal, kerja dan lambat-laun tempat kita disemadikan.

Ketika rakyat Malaysia berbilang kaum dan agama merayakan Hari Kebangsaan, marilah kita meluangkan sedikit masa untuk merenung kembali maksud dan pentingnya kemerdekaan kepada kita.

Perayaan Bulan Kemerdekaan dapat membantu menggalak dan mewujudkan perpaduan melalui semangat patriotik yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia berbilang bangsa. Ini dapat dilihat apabila mereka mengambil bahagian dalam kegiatan sempena sambutan itu.

Sambutan Hari Kebangsaan lebih bermakna, lebih-lebih lagi jika rakyatnya tidak memandang ringan soal keharmonian dan perpaduan kaum.

Oleh kerana perpaduan adalah komponen utama dalam menjayakan negara Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya, ingin saya memberi beberapa pendapat atau komen untuk mengukuhkan perpaduan kaum, terutama bagi golongan muda.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggalakkan penubuhan kelab antara kaum untuk menangani isu polarisasi kaum di universiti.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman juga menggalakkan penubuhan kelab perpaduan di sekolah untuk mewujudkan perpaduan pelajar.

Kita harus memberi keutamaan untuk menubuhkan kelab dan pertubuhan yang membabitkan pelbagai kaum. Ini kerana ia akan menggalakkan kerjasama dan persefahaman antara kaum dan terus menyumbang kepada perpaduan.

Mengenai pertubuhan yang disertai oleh satu kaum saja, mereka harus mencuba sejauh mana yang praktikal untuk menganjurkan kegiatan yang membabitkan kaum lain bagi membolehkan interaksi antara kaum.

Kumpulan yang berminat untuk menubuhkan pertubuhan baru perlu digalakkan untuk menjemput semua kaum untuk menjadi ahlinya.

Sungguhpun mustahil untuk memastikan semua yang berminat menubuhkan pertubuhan agar menjemput semua kaum bagi menjadi ahli, tetapi demi perpaduan kaum, langkah harus diambil untuk menggalakkan mereka menubuhkan kelab atau pertubuhan sedemikian.

Sehubungan itu, saya berasa lebih banyak pertubuhan atau badan bukan kerajaan harus membuka keahlian mereka kepada semua kaum. Contohnya, kaum Melayu harus digalakkan menyertai Kelab Rotary dan Lions yang banyak berjasa kepada golongan miskin, kurang upaya dan mereka yang memerlukan bantuan.

Dengan pembabitan rakyat berbilang kaum dalam pertubuhan amal akan membantu usaha perpaduan, di samping mewujudkan masyarakat penyayang.

Apa yang lebih penting, kita harus memastikan institusi pembelajaran seperti tadika, sekolah rendah dan menengah serta pusat pengajian tinggi mengambil langkah lanjutan untuk memastikan adanya peluang interaksi di antara pelajar dan menangani isu polarisasi kaum.

Sekolah berasrama penuh di mana pelajaranya daripada satu kaum saja harus memberi peluang kemasukan kepada pelajar bangsa lain. Pelajar berbilang kaum dapat mendalami ciri budaya dan agama yang lain sekiranya mereka ditempatkan di sebuah sekolah berasrama penuh yang sama.

Kanak-kanak yang dibesarkan dalam suatu persekitaran yang mana hanya wujud interaksi dengan satu kaum akan membesar tanpa berinteraksi dengan mereka yang berlainan kaum. Ini akan terbawa-bawa sehingga mereka dewasa kelak.

Oleh itu, penting bagi memastikan agar golongan muda didedahkan kepada Rukun Negara yang juga panduan dalam membina sebuah masyarakat bersatu padu dan menggalakkan perpaduan kaum.

Lima prinsip Rukun Negara ialah Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang serta Kesopanan dan Kesusilaan.

Berdasarkan lima prinsip ini, kita berjaya menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Semangat ini haruslah dipupuk pada golongan muda kita.

Perpaduan tidak boleh dicapai melalui undang-undang. Kita juga tidak boleh memaksa rakyat untuk bersatu. Perpaduan harus timbul di lubuk hati setiap rakyat dan ia harus timbul atas prinsip sukarela.

Penduduk berbilang kaum yang menjadikan Malaysia sebagai tempat tinggal mereka, haruslah sedar mereka tidak mempunyai pilihan kecuali untuk hidup dalam keamanan dan harmoni antara satu sama lain.

Rakyat Malaysia harus sedar dan menghargai betapa pentingnya untuk mewujudkan keharmonian dan perpaduan antara kaum yang berkekalan.

TAN SRI LEE LAM THYE,  
Kuala Lumpur.